

# Malaysia kekal kedudukan LNG

Daripada JOHAN JAAFFAR

**S**T. NAZAIRE, PERANCIS 9 Julai — Malaysia akan memperkukuhkan kedudukannya sebagai salah sebuah negara pengeluar gas cecair asli (LNG) yang unggul di dunia apabila projek loji gas di Bintulu, Sarawak beroperasi sepenuhnya.

Apabila siap, ia akan menggandakan pengeluaran gas cecair asli Malaysia kepada 15.8 juta tan setahun. Loji di Bintulu itu juga akan menjadikannya pengeluar terbesar LNG daripada satu kompleks.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian sewaktu berucap dalam majlis menamakan dua buah kapal pengangkut LNG milik Petronas di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, buat masa ini Malaysia ialah pengeluar LNG yang ketiga terbesar di dunia. Malaysia juga merupakan pembekal LNG yang kedua terpenting di rantau Asia Pasifik.

Dr. Mahathir juga yakin dengan pertumbuhan masa depan industri itu.

Pada tahun 1993 pengangkutan antarabangsa

meningkat 2.8 peratus kepada 33.7 juta tan.

Jumlah itu merupakan kira-kira 24 peratus jumlah keseluruhan dagangan gas dunia.

"Pertumbuhan ekonomi Asia Pasifik yang mengagumkan menjadikan rantau itu pengguna LNG yang terbesar," katanya.

Menurut beliau, jumlah dagangan LNG di rantau itu melebihi 23.5 juta tan atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan dagangan LNG dunia.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia cukup kaya dengan gas. Simpanan gas nega-

ra dianggarkan 80 trilion kaki padu.

Berdasarkan potensi tersebut Malaysia telah melaksanakan dasar untuk mengurangkan pergantungan kepada minyak.

Dasar yang mula dilaksanakan pada tahun 1990 itu telah membuahkan hasilnya.

Menurut Dr. Mahathir, sasaran utama dasar baru ini ialah stesen-stesen jana kuasa. Tumpuan seterusnya ialah sektor pengangkutan industri dan perumahan. — *Utusan*.